

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

1. Isu kewarganegaraan masih wujud dan menimbulkan pelbagai masalah kepada masyarakat terutamanya golongan warga tua yang kian lama menetap di negara kita khususnya Pulau Pinang.
  - (a) Sila senaraikan secara terperinci, jumlah permohonan dari warga tua yang belum dapat kewarganegaraan di Pulau Pinang?
  - (b) Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menangani isu kewarganegaraan?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. (a) Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah 609 permohonan kewarganegaraan melibatkan warga emas di Pulau Pinang. Perincian bilangan permohonan kewarganegaraan melibatkan golongan warga emas adalah seperti berikut:

<b>No</b>	<b>Status Permohonan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
1	Permohonan lulus	24	3.94
2	Permohonan dalam tindakan Jabatan	474	77.83
3	Permohonan dalam tindakan Unit Kewarganegaraan	111	18.23
<b>JUMLAH</b>		<b>609</b>	<b>100</b>

- (b) Dalam usaha untuk menangani isu kewarganegaraan di Pulau Pinang terutamanya yang melibatkan warga emas, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan seperti berikut:
- (i) Melantik lima (5) pegawai yang dilantik secara *Contract for Service* (CFS) bagi membantu permohonan kewarganegaraan. Pegawai-pegawai tersebut akan berurusan dengan pemohon serta jabatan kerajaan bagi memastikan proses permohonan dapat berjalan dengan lancar ; dan
  - (ii) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang dan Jabatan Imigresen Pulau Pinang telah mengadakan satu sesi taklimat pada 25 November 2019 kepada pegawai seranta, wakil Ahli Parlimen dan ADUN bagi memberikan penerangan mengenai proses kewarganegaraan bagi membantu pemohon di negeri Pulau Pinang.